

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ADAKAH MEROKOK BUDAYA ISLAM ?

Oleh :

PENGIRAN DR. HAJI MOHAMMAD BIN PENGIRAN HAJI ABD. RAHMAN

KEMUNCULAN ROKOK

Bila sebenarnya kemunculan rokok?. Buku **The New Encyclopaedia Britannica** menyebutkan bahawa Christopher Columbus yang menjumpai Amerika pada abad ke-15 telah menemui penduduk-penduduk asli Amerika (Red Indian) menghisap rokok seperti mana juga dilihat cara orang-orang sekarang menghisap rokok. Orang-orang Red Indian percaya bahawa bahan-bahan rokok mengandungi ubat. Kepercayaan ini telah menyebabkan rokok diperkenalkan di Eropah. Rokok merupakan satu bahan penting dalam apa-apa upacara orang Red Indian Amerika. Penduduk-penduduk asli Amerika Utara dan Selatan telah menjadikan rokok sebagai budaya mereka. Apabila rokok diperkenalkan ke Eropah, akhirnya ia telah dikenali dilain-lain bahagian dunia, misalnya rokok dikenali di Perancis pada tahun 1556, di Portugal pada tahun 1558, di Sepanyol pada tahun 1559 dan di England pada tahun 1565. Orang-orang Portugis dan Sepanyol telah membawa budaya merokok ini dari Eropah ke lain-lain bahagian dunia. Penjajah Barat kemudiannya telah menjadikan rokok sebagai satu barang pertukaran untuk mendapatkan bahan industri yang diperlukan oleh penjajah itu.

Dengan keterangan ini jelas bahawa rokok mula muncul di Amerika, kemudian tersebar ke Eropah dan dari sana ia memasuki pula negara-negara lain bersama-sama dengan proses penjajahan. Keterangan ini meyakinkan kita bahawa orang-orang Barat jugalah yang telah membawa budaya merokok ke Alam Melayu termasuk ke Negara Brunei Darussalam.

Mari kita lihat satu rekod lama sama ada budaya merokok wujud di kalangan masyarakat Melayu Islam di Brunei pada masa dahulu. Pada masa sebuah kapal Sepanyol yang diketuai oleh Magellan yang turut disertai oleh seorang ahli sejarahnya bernama Pigafetta telah singgah di Brunei untuk menjalin persahabatan pada tahun 1521, orang-orang Sepanyol itu telah disambut di

Brunei dengan penuh penghormatan. Pigafetta mencatatkan (terjemahannya) :

Pada 9 Julai, raja itu telah menghantar kepada kami sebuah perahu yang indah dengan bahagian haluan dan buritan perahu itu berukiran emas. Dihaluannya berkibar bendera putih biru yang hujung tiangnya berhias dengan bulu-bulu merak. Di dalamnya ada beberapa orang sedang memainkan alat-alat muzik dan gendang. Dua buah 'al madies' tiba bersama perahu tadi. Perahu itu menyerupai 'fustas' sementara 'al madies' itu pula adalah perahu-perahu kecil pelayan. Lapan orang lelaki tua iaitu pembesar-pembesar telah naik ke kapal kami dan duduk atas permaidani di buritan. Mereka menghadiahkan kami tepak sirih kayu bercat yang berisi daun sirih dan buah pinang (buah yang sentiasa mereka kunyah), bunga melor (melati) dan limau, sehelai penutup kain sutera kuning, dua buah sangkar berisi ayam, dua ekor kambing, tiga biji tajau berisi air tapai yang disuling dan beberapa ikat tebu.

Keterangan di atas ini tidak menyebutkan rokok sebagai bahan yang dihadiahkan kepada orang-orang Sepanyol daripada pemerintah dan masyarakat Brunei. Ini menunjukkan bahawa merokok bukan menjadi budaya orang-orang Brunei pada masa itu. Ini juga menunjukkan bahawa orang-orang Brunei, sebelum kedatangan orang Barat, tidak mengenali apa itu rokok. Sekiranya orang Brunei sudah pandai merokok dan menganggapnya sebagai suatu yang bernilai sudah tentulah rokok akan termasuk di antara bahan yang dihadiahkan kepada orang Sepanyol itu.

Soalnya ialah, siapakah yang memperkenalkan rokok kepada orang-orang Brunei?. Soalan ini barangkali tidak sukar untuk menjawabnya. Memandangkan rokok sudah tersebar di Eropah dengan meluas dalam abad ke-16 Masihi. Dan memandangkan Brunei hidup lama di bawah penjajahan British sejak abad ke-19, maka kemungkinan pihak penjajah telah memperkenalkan rokok di negara kita ini sehingga ianya menjadi bahan yang diminati dan menjadi budaya baru orang-orang Brunei. Tetapi budaya ini bukan budaya jati orang-orang Melayu Islam di Brunei dan sudah tentu berlawanan dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

PENGARUH MEROKOK

Rokok telah mempengaruhi berbagai lapisan masyarakat Brunei khususnya para remaja. Walaupun satu kajian khusus belum pernah dibuat, namun kita dapat melihat dengan mata kepala kita sendiri kecenderungan anak-anak yang masih berada dibangku sekolah menengah dan siswa-siswi di pusat-pusat pengajian tinggi kepada rokok. Sebahagiannya merokok secara bersembunyi supaya tidak ditangkap oleh pihak sekolah yang berdisiplin. Mana-mana sekolah yang lemah disiplinnya, menyebabkan ada pelajar yang berani merokok dengan terang-terangan atau ada kesan rokok yang di tinggalkan. Perkara ini perlu diperhatikan oleh semua pihak yang inginkan supaya generasi-generasi dimasa hadapan bermutu dan berwibawa. Ini adalah kerana pelajar-pelajar remaja pada hari ini akan menjadi pemimpin di masa hadapan. Kalau mereka dibiarkan tidak berdisiplin dan menjadi penagih rokok yang kuat, kita khuwatir mereka akan terjebak lebih jauh kepada perkara-perkara negatif yang lebih merbahaya seperti dadah. Rokok lazimnya adalah menjadi tangga pertama ke arah menagih dadah. Oleh itu jika kita inginkan negara kita selamat agama kita selamat dan masyarakat selamat, maka kita harus bersedia menghalang puncanya dari sampai ke tangan pelajar-pelajar kita sesuai dengan prinsip usul fiqh : **درء المفاسد خير من جلب المصالح** (Menghalang asas-asas kerosakan itu lebih baik dari mendapatkan keuntungan).

Ada beberapa faktor mengapa rokok tersebar dikalangan pelajar antaranya ialah :

1. Tarikan iklan yang hebat melalui media massa yang mengiklankan tentang kenikmatan menghisap rokok.
2. Tarikan dari kawan-kawan yang sudah pandai merokok.
3. Rokok menjadi alat sosial yang mana sesiapa yang turut merokok akan mudah diterima oleh kumpulan yang merokok.
4. Remaja yang telah biasa merokok akan merasa ketagihan rokok.
5. Merokok dianggap oleh setengah para remaja sebagai satu tahap pencapaian kematangan dan kedewasaan. Remaja yang merokok merasakan dirinya sudah masuk ke alam dewasa. Jadi dengan merokok itu mereka menyangka diri mereka telah dewasa.

6. Konon merokok itu mendatangkan ketenangan dan dengannya mendapat ilham untuk menghasilkan sesebuah kerja.
7. Kurangnya pengawasan ibubapa terhadap aktiviti anak-anak mereka, malah setengah ibubapa dan guru-guru sendiri memberikan contoh yang kurang baik dengan merokok di hadapan anak-anak atau pelajar-pelajar mereka.
8. Adanya bekalan wang yang berlebihan dari ibubapa kepada anak-anak sehingga mereka mampu untuk membeli rokok.

Kebanyakan pelajar merokok hanya bersifat sementara, walau bagaimanapun ia akan menjadi budaya negatif sekiranya tidak ada siapa yang menasihatkan atau jika tidak ada langkah pencegahan yang efektif.

PANDANGAN ISLAM

Bagi orang-orang Islam penilaian sesuatu itu baik atau buruk perlulah dilihat dari pandangan syara', sekiranya syara' memandang sesuatu itu baik maka eloklah dilakukan, sebaliknya jika syara' memandang sesuatu itu buruk maka mestilah di tinggalkan. Sumber rujukan syara' ada empat iaitu al-Quran al-Karim, Hadith-hadith Nabi, Ijma' Ulama dan Qiyas. Oleh itu untuk melihat buruk atau baik budaya merokok itu marilah sama-sama kita melihat apa pandangan Islam mengenainya.

1. Dalam al-Quran al-Karim surah al-A'raf, ada menyebutkan firman Allah Taala :

الذين يتبعون الرسول النبي الأمي الذي يجدونه مكتوباً عندهم في التوراة والإنجيل
يأمرهم بالمعروف وينهاهم عن المنكر ويجل لهم الطيبات ويحرم عليهم الخبائث ...

Ertinya: Iaitu orang yang mengikut Rasul Nabi yang ummi yang namanya mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang ma'aruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang munkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk. (Surah al-A'raf, ayat 157).

Dalam hal ini adakah sesiapa yang berani mengatakan dengan memberikan cukup keterangan bahawa merokok adalah sesuatu yang

baik? Tetapi sebaliknya keterangan yang cukup boleh di dapati dari berbagai aspek bahawa merokok itu adalah suatu yang buruk.

2. Allah Taala berfirman :

وَلَا تَلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Ertinya: Janganlah kamu melimparkan diri kamu sendiri kepada kebinasaan (surah al-Baqarah, ayat 195).

Merokok akan menyebabkan seseorang itu di timpa penyakit kanser dan lain-lain penyakit merbahaya.

3. Firman Allah Taala :

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ. إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Ertinya: Janganlah kamu membunuh diri kamu sendiri. Sesungguhnya Allah amat penyayang terhadap kamu. (surah al-Nisa', ayat 29).

Larangan membunuh diri sendiri mencakup juga larangan membunuh orang lain, sebab membunuh orang lain bererti membunuh diri sendiri, kerana umat manusia merupakan satu kesatuan. Dalam hal ini merokok akan membunuh seseorang itu dengan lambat, sama ada sang perokok atau sesiapa yang terhidu asap rokok..

4. Mengenai dengan mudarat arak dan judi, Allah berfirman :

وَأَثَمُهُمَا كَبِيرٌ مِنْ نَفْعِهِمَا

Ertinya: Dosa keduanya itu adalah lebih besar daripada manfaatnya. (surah al-Baqarah, ayat 219).

Ayat ini ialah dalam kontek membicarakan arak dan judi di mana menjelaskan kemudaratannya arak dan judi lebih besar dari manfaat keduanya. Sehubungan itu merokok juga mendatangkan kemudaratannya yang besar, bahkan mudarat keseluruhannya dan tidak ada kemanfaatan.

5. Firman Allah Taala :

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ. وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

Ertinya: Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu saudara-saudara syaitan. Dan syaitan itu sangat ingkar kepada Tuhannya. (Surah al-Isra', ayat 27).

Jelas bahawa merokok adalah salah satu contoh pembaziran yang ketara.

6. Allah Taala berfirman :

ليس لهم طعام الا من ضريع، لا يسمن ولا يغنى من جوع

Ertinya: Mereka tiada memperolehi makanan selain dari pohon yang berduri, yang tidak menggemukkan dan tidak pula menghilangkan lapar (Surah al-Ghashiah, ayat 6-7).

Merokok adalah makanan yang tidak menggemukkan dan tidak menghilangkan lapar seperti makanan ahli neraka.

7. Bersabda Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wasallam :

لا ضرر ولا ضرار

Ertinya: Tidak memberi mudarat dan tidak memudaratkan orang lain (Hadith Sahih Riwayat Bukhari).

Merokok jelas akan mendatangkan mudarat kepada yang mengamalkannya, mendatangkan mudarat kepada orang yang hampir dengannya dan mengurangkan hartanya tanpa faedah.

8. Bersabda Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wasallam :

من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يؤذ جاره

Ertinya: Siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka janganlah dia menginaya jirannya (Hadith Sahih Riwayat Bukhari).

Seorang yang merokok secara langsung ia telah menginaya orang yang berhampiran dengannya dari bau rokok tersebut selain racun "nekotin" dari rokok itu. Lazimnya yang akan terinaya itu ialah isterinya dan anak-anaknya sendiri dan para malaikat yang ada bersamanya.

9. Bersabda Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wasallam :

لا تزول قدما عبد حتى يسأل عن أربع : عن عمره فيم أفناه، وعن علمه ما فعل به، وعن ماله من أين اكتسبه وفيم أنفعه وعن جسمه فيم ابلاه .

Ertinya: Seorang hamba Allah itu akan ditanya pada empat perkara iaitu tentang umurnya bagaimana dihabiskan, tentang ilmunya bagaimana dimanfaatkan, tentang hartanya dari mana diperolehi dan

pada apa dibelanjakannya dan tentang badannya pada apa di gunakannya (Hadith Nabi Riwayat At-Tarmizi).

Orang yang merokok telah membelanjakan hartanya pada membeli rokok yang memudaratkan badannya dan menginaya jirannya.

10. Sabda Nabi Salallahu 'Alaihi Wasallam :

وما اسكر كثيره فقليله حرام

Ertinya: Sesuatu yang memabukkan jika banyak maka sedikitnya juga haram (Hadith Sahih Riwayat Ahmad).

Orang yang banyak merokok adalah menempa penyakit yang berbahaya seperti kanser, oleh itu menghisap sedikit juga dilarang.

Dari dalil-dalil di atas jelas bahawa merokok adalah suatu perbuatan yang berlawanan dengan syara'. Oleh kerana itu budaya merokok tidak ada dalam Islam. Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wasallam sebagai contoh peribadi yang teragong tidak merokok atau yang seumpamanya, demikian juga para sahabat baginda tidak merokok. Tidak ada apa-apa keterangan yang menunjukkan adanya merokok tersebar dikalangan mereka. Ini menunjukkan bahawa merokok bukan budaya Islam.

Ibn Taimiyyah dan al-Hafiz al-Zahabi ada menyebutkan tentang hashish (sejenis candu) bahawa hashish dibawa oleh tentera Tatar ketika mereka menyerang Baghdad pada tahun 656H/1258M. Setelah mereka mengalahkan tentera 'Abbasiyyah, mereka berhajat pula merosakkan jiwa orang-orang Islam sebagaimana yang dilakukan oleh golongan penjajah terhadap orang Islam pada hari ini. Penjajah telah membawa masuk dadah ke dalam alam Islam dan kemudian menanamnya di negara-negara Islam dengan meluasnya. Demikian tulisan Ibn Taimiyyah dalam kitab **Majmu' Fatawanya**

KESIMPULAN

Berdasarkan keterangan di atas saya ingin menarik kesimpulan kepada dua perkara. **Pertama**, saya percaya bahawa tabiat merokok di kalangan masyarakat kita adalah merupakan suatu yang mendatang. Ia bukan berasal dari tradisi bangsa kita, jauh sekali dari merupakan jati diri bangsa kita sendiri. Saya percaya hatta sekalipun orang-orang kita pada zaman dahulu ada yang merokok dengan menggunakan apa yang dipanggil "sigup Brunei" buatan tempatan, namun memandangkan kita telah lama hidup di bawah

pengaruh penjajahan, besar kemungkinan ianya hasil dari pengaruh luar itu dan bukan lahir dari dalam.

Oleh itu memandangkan merokok bukan budaya jati bangsa kita, tambahan lagi ia membawa unsur negatif dan tidak disukai dalam Islam, jadi tidak ada alasan kukuh mengapa kita harus mengekalkannya dalam kehidupan kita, dan tidak ada alasan untuk kita mempertahankannya bagi diturunkan kepada generasi kita akan datang. Sebaliknya kita tentu ingin melihat generasi anak cucu kita menjadi satu generasi yang sehat. Sehat mental dan sehat jiwanya, sehat rohani dan sehat agamanya.

Kedua, dalam proses pertumbuhan kita dari zaman kanak-kanak, ke zaman remaja dan seterusnya ke zaman dewasa ramai di antara kita yang pernah mengalami pengaruh rokok berpunca dari suasana persekitarannya seperti melihat orang-orang tua yang merokok, kawan-kawan yang merokok, media massa yang menyiarkan iklan rokok, dan sebagainya, maka ramai di antara kita yang telah mencobanya. Hasil dari percobaan tersebut, ada yang kekal dengan tabiat merokok lalu sukar untuk membuangnya, dan ada yang dengan kesedaran kuatnya telah dapat menghindarkannya.

Saya kira itu adalah proses normal. Namun apa yang tidak normal ialah setelah kita melihat, membaca dan mendapati kesan-kesan negatifnya dengan mata kepala kita sendiri melalui penyelidikan yang canggih pada hari ini, dan mengetahui pandangan agama kita yang maha suci mengenainya, tetapi kita masih lagi tidak berupaya menolaknya, ini saya rasa dalam jentera diri kita ada kekurangan yang memerlukan rawatan dan kaunseling. Mudah-mudahan kita mendapat hidayah dan dapat melihat jalan keluar yang terbaik, keluar dari lingkaran bahaya rokok.

RUJUKAN

1. Al-Quran Al-Karim.
2. Hadith-Hadith Nabawiyyah.
3. Robert P. Gwinn, **The New Encyclopaedia Britannica Vol. 11**, 15th Edition, USA : The University of Chicago, 1989.
4. Pigafetta, A, **First Voyage Around The World**, Manila : Filipina Book Guild, 1969.
5. Abdul Wahab Abdul Salam Tawilah, **Fiqh al-Ashribah Wahdaha**, Beirut : Darussalam, Li al-Tibaah Wa al-Nashr, 1989.
6. Dr. Abdul Sabur Shahih, **Al-Sajair Halal ... Am Haram**, Al-Kaherah: Al-Dar al-Dhahabiyyah, t.t.
7. Muhammad bin Jamil Zino, **Hukm al-Islam Fi Al-Tadkhin**, Mesir: Maktabah Al-Imam Al-Bukhari, t.t.
8. Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, **Tarsilah Brunei**, Brunei : Pusat Sejarah, 1997.
9. Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Awang Juned, **Islam Di Brunei**, Jilid 1, Brunei : Pusat Sejarah, 1992.